

22 DEC 1997

PERUTUSAN AGONG KEPADA AKIHITO

KUALA LUMPUR, 22 Dis (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar berkenaan mengutuskan perutusan taniah kepada Maharaja Akihito dari Jepun sempena ulangtahun keputeraannya yang ke-64.

Dalam perutusan yang serupa kepada rakan sejawatannya Ryutaro Hashimoto, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap hubungan ekonomi dan perdagangan antara kedua-dua negara dapat diperkembangkan lagi.

Perdana Menteri yakin di bawah pemerintahan Akihito, Jepun dapat terus menikmati kemajuan dan pertumbuhan yang pesat.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, pula menghantar perutusan yang sama kepada rakan sejawatannya, Keizo Obuchi.

--BERNAMA

APG oba